

09/01/1998

Resolusi terhadap PM pendapat peribadi

KUALA LUMPUR, Khamis - Draf resolusi yang mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meminta maaf secara terbuka kerana membuat kenyataan anti-Yahudi adalah pendapat peribadi anggota Kongres Amerika Syarikat yang terbabit dan tidak mendapat sokongan.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kebangsaan Dewan Perwakilan Amerika, Floyd Spence, berkata resolusi itu tidak disokong kebanyakan anggota Kongres dan ia hanya mencerminkan pendapat anggota yang terbabit dengan penyediaannya.

Spence menyentuh isu itu semasa perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, tetapi ia tidak dibincangkan secara mendalam.

"Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada Spence kerana kenyataannya itu," kata Setiausaha Bahagian di Kementerian Luar, Mohd Arshad M Hussein, ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai hasil pertemuan di antara Dr Mahathir dan delegasi sembilan anggota Kongres Amerika itu di Jabatan Perdana Menteri.

Delegasi diketuai Spence itu dalam rangka lawatan kerja ke beberapa negara Asia. Malaysia adalah destinasi pertama yang dikunjungi delegasi itu selama dua hari, sebelum ke Indonesia dan Australia.

Pada Oktober lalu, 34 anggota kongres diketuai Robert Wexler (Democrat-Florida), memperkenalkan usul yang memberi kata dua kepada Dr Mahathir supaya meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kerana menyatakan ada konspirasi Yahudi dalam spekulasi mata wang di rantau ini.

Dr Mahathir berulang kali menjelaskan bahawa kenyataannya itu disalahertikan dan beliau bukan anti-Yahudi atau anti-Semitik.

Mohd Arshad berkata, Spence (Republican-South Carolina) memberitahu Perdana Menteri bahawa tidak seorangpun daripada anggota delegasinya itu menyokong draf resolusi berkenaan.

"Spence berkata, draf resolusi itu semata-mata pandangan sesetengah anggota Kongres dan ia tidak semestinya mencerminkan pandangan semua anggota kongres," katanya.

(END)